

06/06/1998

100,000 tiket diedar percuma

SEJUMLAH 100,000 tiket akan diedarkan kepada orang ramai secara percuma untuk menyaksikan perasmian Stadium Utama Kompleks Sukan Negara (KSN) di Bukit Jalil, 11 Julai ini.

Perasmian akan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita akan memaklumkan di mana tiket itu dapat diperolehi dan seorang hanya boleh mendapat lima tiket," kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

"Beberapa rancangan sudah diatur bermula dari pagi. Antaranya ialah karnival sukan Kompleks Sukan Negara dan konsert.

"Kita harap untuk memenuhi stadium itu hingga 100,000 orang supaya kita dapat menguji segala sistemnya," kata Muhyiddin.

Sementara itu, kerja-kerja menaikkan taraf Stadium Badminton dan Velodrom Kuala Lumpur - dua gelanggang Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI - menepati jadual untuk disiap serta digunakan bagi kejohanan ujian bulan depan.

Muhyiddin berpuas hati dengan kedua-dua gelanggang itu serta yakin tidak akan wujud sebarang masalah yang boleh menyebabkan kerja tertangguh.

"Stadium Badminton sudah siap dan akan diserahkan kepada kementerian Selasa ini dan semuanya dalam keadaan yang baik. Hanya tugas untuk menguji sistem audio dan papan markah akan diadakan.

"Pihak Sukom (Sukom Ninety Eight Berhad) juga sudahpun masuk ke gelanggang ini untuk menguji semua sistem yang dipasang bagi memastikan ia dalam keadaan sempurna.

"Saya difahamkan gelanggang ini akan digunakan oleh BAM (Persatuan Badminton Malaysia) untuk Kejohanan Remaja Asia mulai 15 Jun ini," katanya selepas melawat kedua-dua gelanggang itu di Cheras, semalam.

Bagi velodrom pula, kerja kini tertumpu kepada pembinaan bumbung dan memasang papan markah yang akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua minggu.

Stadium Badminton Kuala Lumpur yang dibaikpulihan dengan kos RM2.8 juta mampu menampung 1,800 penonton manakala Velodrom Cheras membabitkan kos pengubahsuaian RM14 juta.

Muhyiddin juga mahu Sukom '98 dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meningkatkan keselamatan sepenuh masa kedua-dua gelanggang itu.

Bagi masalah kerosakan yang dialami Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara (KSN) di Bukit Jalil, Muhyiddin mahu pihak kontraktor memastikan alat yang rosak diganti dengan segera.

"Kita tidak setuju dengan penangguhan tempoh sebulan yang dinyatakan oleh pihak kontraktor. Mereka harus mendapatkan alat ganti segera. Kita tidak boleh tangguh lagi," katanya.

Stadium tertutup itu yang akan menjadi gelanggang acara gimnastik didakwa disabotaj apabila sistem komputer serta audio yang bernilai RM3 juta di bilik kawalan utama musnah pada 20 Mei lalu.

(END)